

## BAB 5: PENUTUP

Pada bab-bab terdahulu telah diuraikan tentang sejarah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII), Akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia dan pengaruh akidah Lembaga Dakwah Islam Indonesia di Provinsi Jambi Indonesia, maka pada bab ini ditutup dengan kesimpulan dan cadangan-cadangan.

### 5.1 Kesimpulan

Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) merupakan organisasi masyarakat Islam yang bergerak dibidang dakwah dan pendidikan. Sebagai organisasi LDII mempunyai proses sejarah panjang. Proses penumbuhan organisasi ini merupakan reaksi terhadap kondisi keberagamaan masyarakat Muslim Indonesia khasnya di Jawa Timur Indonesia iaitu pelaksanaan ajaran Islam yang telah bercampur dengan *tahayul*, *kurafat* dan *bida'ah*. Kondisi ini mendorong Kiai Haji Nurubadilah menumbuhkan kelompok pengajian yang bertujuan mengembalikan pemahaman ajaran agama Islam kepada sumber tulennya iaitu al-Qur'an dan Hadith. Penumbuhan pengajian agama ini terus berkembang sehingga terbentuknya suatu pertubuhan organisasi yang besar dengan nama Darul Hadith atau Islam Jamaah. Pertubuhan Islam Jamaah tidak berumur panjang sehingga tahun 1971 kerana mengembangkan kefahaman menimbulkan berbagai isu negative di tengah-tengah komuniti Muslim. Pembekuan organisasi dan kefahaman dengan Enakmen Jaksa Agung Republik Indonesia No. Kep-089/D.A/10/1971, yang sebelumnya telah didahului dengan keputusan lain seperti; Tahun 1968 dari Laksus Kopkamtib Jakarta, Tahun 1968 dari PAKEM Kejaksaan Tinggi Jawa Barat, Tahun 1969 Kejaksaan Tinggi Sulawesi Tenggara, dan Tahun 1969 dari Laksus Kopkamtibda Sumatera Selatan.

Pasca pembekuan bekas ahli-ahli Islam Jamaah selanjutnya membentuk pertubuhan baru yang dikenal dengan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) tepatnya pada hari bulan 1 Januari 1972. LEMKARI bertujuan mengembangkan dakwah Islamiyah dan sekaligus meluruskan bekas ahli-ahli Jamaah untuk menjadi umat Islam sebagaimana umat Islam lainnya atau dengan lain perkataan melakukan pembersihan dari kesan ajaran Darul Hadith atau Islam Jamaah. Sebagai pertubuhan baru ini, LEMKARI menyatakan bahawa organisasinya tidak mengembangkan dan menyebarkan kefahaman ajaran Islam Jamaah dengan surat Keputusan No. 199/F.1/IX/1979

Selanjutnya untuk menguatkan kedudukan pertubuhan, LEMKARI bergabung dengan GOLKAR merupakan parti yang berkuasa saat itu. Pada fasa ini LEMKARI berkembang begitu cepat dan mendapat dukungan dari pemerintah meskipun terdapat berbagai tuduhan bahawa LEMKARI masih mengembangkan Islam Jamaah. Di tengah terpaan isu LEMKARI dapat melakukan Musyawarah Nasional (MUNAS) sehingga penghujung akhir tahun 1991. Dalam perkembangan selanjutnya, kerana LEMKARI memiliki keserupaan nama dengan Lembaga Karatedo Indonesia (LEMKARI), maka Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) oleh Menteri Dalam Negeri (Rudini) mengusulkan mengubah menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) tepatnya pada tahun 1991. Berubahnya nama dari LEMKARI menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) setigma negative kepada organisasi ini terus melekat meskipun LDII telah berupaya menjelaskan organisasinya dengan terbuka. Maka untuk mengakhiri pada tahun 2006 LDII mengubah citra dengan LDII berparadigm baru sebagai organisasi Islam yang terbuka dan independen terhadap parti politik.

Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) sebagai organisasi Islam meletak asas al-Qur'an dan Hadith merupakan dalam beragama. Dalam komitmen terhadap al-Qur'an dan Hadith mereka menambahkan kata "Jamaah". Oleh kalangan ahli LDII dikenal

dengan al-Quran Hadith Jamaah. Selain al-Qur'an dan Hadith mereka juga mempergunakan Ijma' dan Qias.

Menganalisis kefahaman asas akidah LDII mempunyai kecenderungan kepada kefahaman Salah dan Salafiyah. Dalam aspek akidah LDII bersumberkan daripada al-Quran, al-Hadith dan akal (rational). Menurut LDII Al-Quran itu datangnya daripada Allah S.W.T menjadi sumber dan pedoman bagi manusia dalam berakidah, beribadah dan bermuamalah. Oleh itu kebenaran nas al-Quran tidak diragukan.

Kemudian LDII juga berpegangan kepada hadith-hadith Nabi s.a.w baik yang *mutawatir* mahupun hadith *ahad*, dan juga hadith *marfu'*. Misalnya dalam memahmi isu *al-Sam'iyyat* tentang bolehnya Allah dilihat di akhirat, Pandangan LDII menyakini bahawa hadith bersumber daripada Rasul s.a.w yang kebenarannya dalam memahami akidah dapat diakui. Kerana hadith telah mendapat keabsahan dari Allah sebagai sumber ajaran Islam setelah al-Quran.

Selanjutnya LDII juga mempergunakan akal (*aql*) dalam memahmai isu-isu akidah khasnya yang boleh difahami oleh akal. Bagi LDII akal dipergunakan untuk memperkuat daripada dalil *naqli* dan bukan menjadi asas menentapkan dalil terhadap isu akidah tersebut. Kefahaman ini seperti terlihat dalam memahami tentang keberadaan Allah, kekuasaan dan kehendak mutlak Allah, sifat Allah kebebasan manusia dan kerasulan. Sedangkan terhadap isu tentang *al-Samiyyat* seperti; alam *Barzakh*, *Syurga*, *al-Nār*, *Şirat*, *Mizan* dan lainnya LDII berpegang kepada dalil naqli sahaja, kerana isu tersebut termasuk wilayah nash dan akal tidak mampu memahaminya. Sedangkan terhadap ayat-ayat akidah yang mempunyai makna *zany* (*tashbih*), seperti; *yad*, *wajh*, '*ain* LDII tidak mempergunakan *ta'wil* sebagaimana kefahaman Mu'tazilah. LDII menyerahkan pengertian harfiyahnya dan menyerahkan pengertian itu kepada Allah.

Asas kefahaman akidah LDII tentang *Ilahiyyat*, *al-Sam'iyyat* dan *al-Nubuwwah* secara amnya mempunyai persamaan dengan kefahaman salaf. Dalam aspek *Ilahiyyat* tentang keberadaan Allah (*wajud Allah*), ayat taṣbih, sifat dan asma Allah, LDII mempunyai persamaan yang kuat dengan kefahaman salaf dengan ciri-ciri yang sama iaitu: mereka lebih mendahuluikan riwāyat (*naql*) daripada dirāyah (*aql*), dalam masalah *Ūṣul al-Dīn*, mereka hanya berpegang kepada penjelasan al-Qur'an dan al-Sunnah, mereka mengimani Allah tanpa perenungan lebih lanjut (tentang zatNya) dan tidak perlu mempunyai faham tasbih dan mereka mengamalkan al-Qur'an sesuai dengan makna lahirnya dan tidak menta'wilkannya.

Selanjut dalam aspek al-Nubuwwah LDII berpandangan bahawa perutusan rasul hukumnya ialah kemestian kerana manusia sebagai makhluk yang sempurna tetapi mempunyai keterbatasan pula. Pandangan LDII dalam *al-Nubuwwah* mendekati kepada padangan al-Ash'ariyah yang menetapkan *jaiz* (mungkin). Kerana tidak Tuhan tidak mempunyai kewajiban-kewajiban terhadap manusia. Bagi LDII juga bahawa seorang Nabi mempunyai sifat *sidiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatonah*. Demikian juga seorang Nabi terpelihara dari melakukan dosa kecil dan dosa besar (*maksum*). Seterus terhadap konsep *al-Nubuwwah* LDII menyakini bahawa kerasulan seorang Nabi telah dibekali dengan mu'jizat. Sedangkan bagi kerasulan Nabi Muhammad s.a.w merupakan penutup nabi dan rasul dan bila terdapat keyakinan yang menyatakan terdapat Nabi dan rasul setalah Rasulullah adalah dusta.

Pengaruh akidah yang telah diyakini dalam oleh ahli-ahli LDII sebagai berikut: *Pertama*, dalam bidang keagamaan, ahli LDII menerima al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w sebagai asas beragama. Demikian juga *qaul sahabat* baik dari segi qias maupun ijmaknya. Pandangan dalam aspek ini, mereka amalkan dalam kehidupan keseharian baik ibadah fardu maupun ibadah sunah seperti; memurnikan asas dalam beragama,

memurnikan pengamalan dan memurnikan niat/tujuan ibadah dari unsur tahayul, khurafat, syirik dan bidaah. Kewujudannya terlihat daripada sikap ahli-ahli LDII mempunyai sikap selektif terhadap faham mahupun amalan ibadah dilakukan di luaran LDII. Kehati-hatian LDII terlihat juga daripada sikap eksklusif untuk tidak bermakmum dengan sebarang orang yang belum dikenali tingkat fasohah bacaan al-Qur'an dan peringkat kesalehan individu yang menjadi imam.

*Kedua*, bidang Politik, LDII secara am mempunyai pandangan kepada sistem pemerintahan khalifah yang dipimpin oleh seorang ‘amir. Asas mereka bersumber daripada hadith ‘Umar ibn Khattab, bahawa dalam beragama harus terikat oleh Jamaah, bai’ah dan ketaatan kepada pemimpin. Namun terhadap sistem kenegaraan LDII mengambil sikap moderat. Seorang pemimpin dalam LDII mempunyai fungsi sebagai pemimpin agama dan pemimpin masyarakat. Oleh itu, syarat menjadi pemimpin harus mempunyai kemampuan ilmu agama dan ilmu kemasyarakatan. Sesuai dengan sikap politik yang moderat LDII pernah terlibat langsung dengan partai politik iaitu GOLKAR. Keterlibatan LDII dengan GOLKAR tidak lain disokong oleh keadaan politik masa itu dan desakan pelupusan LDII yang dinilai tidak selari dengan ajaran Islam. Selari dengan keadaan yang berubahnya dalam bidang politik semasa LDII bersikap independen dan tidak terikat dan mana-mana parti politik.

*Ketiga* bidang ekonomi, dalam bidang ini akidah LDII telahpun mempengaruhi perilaku ekonomi ahli-ahli LDII. Mereka mempunyai sikap rajin bekerja, meningkatkan kualiti dan hasil pekerjaan, sehingga dalam lingkungan LDII peringkat pengangguran boleh dikurangkan. Sikap ini mempengaruhi dri pada peringkat kesejahteraan ahli-ahli LDII. Faham terhadap qada dan qadar yang ditetapkan Allah bukan bererti membatasi untuk berkarya dan pasrah menerima ketentuan Allah, tetapi bagi LDII adanya *qadar* tersebut menjadi penyokong untuk berbuat yang terbaik.

Selanjutnya dalam mengembangkan sistem ekonomi LDII berasaskan kepada syari'at Islam. Ekonomi dibangun dengan sistem usaha bersama (UB). Usaha Bersama dilakukan berasama antara ahli-ahli LDII untuk memberikan kontribusi permodalan sesuai dengan kemampuan ekonomi masing-masing ahli. Prinsip usaha bersama adalah memberikan pelayanan kepada ahli LDII khasnya tetapi juga bertujuan memberi pelayanan kepada masyarakat amnya. Usaha Bersama (UB) telah dibina oleh LDII dengan pelbagai usaha seperti kedai barang-barang harian, khidmat, jasa umrah dan haji, pakai muslim, pertanian serta perkebunan.

*Keempat* dalam bidang sosial budaya, alam aspek sosial budaya, akidah LDII telah memberikan pengaruh terhadap ahli-ahli LDII seperti terhadap adat ('urf), hak dan kedudukan wanita dan sosio kemasyarakatan. Terhadap adat ('urf) ahli-ahli LDII bersikap selektif untuk menerima adat sebagai dasar hukum. Ahli LDII menerima 'adat yang sebenar adat' kerana ia merupakan *sunnatullah* demikian juga adat yang diadatkan. Sedangkan terhadap adat istiadat mereka akan mengkaji dari aspek syari'at Islam. Pengaruh kefahaman akidah telah menghapuskan amalan adat istiadat yang bercanggah dengan ajaran Islam dan mengukuhkan adat yang selari dengannya.

Pengaruh akidah juga telahpun mengubah paradigm terhadap kedudukan wanita, ahli-ahli LDII. Dalam kefahamannya urusan wanita bukan hanya urusan wanita tetapi juga lelaki. LDII dalam memahami syari'at, lelaki tetap menjadi pemimpin bagi wanita. Oleh itu, dalam amalannya seorang wanita harus taat kepada suami, demikian wanita yang *bikr* harus taat kepada orang tuanya. Pandangan ini memberikan otoriti penuh seorang suami apabila hendak berpoligami, seorang isteri harus mengizinkannya.

Demikian juga dalam perkara sosial masyarakat, akidah telahpun mempengaruhi terhadap sikap ahli-ahli LDII, secara teori mereka mempunyai asas yang sama dengan majoriti umat Islam amnya di Indonesia. Sebagaimana dalam berukhuwwah Islamiyyah,

*ukhuwwah bashariyyah* dan *ukhuwwah watoniyyah* LDII berpandangan kepada al-Qur'an dan hadith. Dalam membina hubungan sosial masyarakat LDII di Indonesia berpedomanan kepada "Tri Kerukunan Umat Beragama" iaitu hubungan umat beragama, hubungan antara umat beragama dan hubungan umat beragama dengan pemerintah. Selanjutnya untuk menjalin hubungan LDII mengasaskan kepada "Budi Luhur" budi bahasa/akhlak mulia yang boleh diterima oleh masyarakat sebagai ucapan, perilaku, sikap dan tingkah laku. Namun didalam amalan masih didapatkan penghalang hubungan sosial yang kurang harmoni iaitu hubungan umat beragama. Hasil pemerhatian didapatkan pada peringkat akar rumput adanya sikap eksklusif yang menganggap bahawa faham mereka yang paling benar, pada sisi lain. Selain itu dalam membina ahli setiap cawangan LDII mempunyai masjid ataupun surau yang dibina khas untuk ahli LDII menjadikan hubungan antara ahli LDII dengan masyarakat amnya kurang harmoni. Sedangkan hubungan dengan pemerintahan untuk saat ini LDII mempunyai aktiviti dalam peratusan cukup berbanding dalam hubungan umat beragama mahupun antara umat beragama.

## **5.2 Cadangan-cadangan**

### **5.2.1. Cadangan bagi organisasi LDII**

1. LDII sebagai gerakan dakwah dan pendidikan yang mempunyai visi dan misi membangun masyarakat madani perlu meningkatkan sosialisasi secara terbuka kepada masyarakat amnya, sehingga kewujudannya boleh diketahui dan diikuti oleh masyarakat dengan tiada sangkaan yang tidak baik sebagai aliran atau faham yang bercanggah ajaran Islam.
2. LDII sebagai pertubuhan sosial masyarakat belum maksimal sebagai kekuatan politik, ekonomi, budaya mahupun dalam meningkatkan sumber tenaga manusia.

Gerakan LDII masih mengutamakan pada aspek ritual dan moral keagamaan di masyarakat dalam erti sempit. Pola keberagamaan seperti ini boleh diterima ditengah-tengah arus modernisasi, akan tetapi sangat rapuh terhadap arus perubahan. Oleh itu, LDII dituntut memberikan kontribusi yang nyata bagi pengembangan peningkatan kualiti umat.

3. LDII sebagai kefahaman yang mengikut kefahaman Ahl Sunnah wal Jamaah berasas daripada *al-Qur'an*, *Hadith* dan tradisi para sahabat, perlu melaksanakan prinsip-prinsip yang dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w. Oleh itu, perlu mengevaluasi selama perjalanan gerakan dakwahnya yang dipandang negatif oleh masyarakat seperti; tergesa-gesa dalam mencapai tujuan, pengamalan Islam secara eksklusif dan tidak mahu melibatkan kelompok atau kekuatan lain, kagum atau membanggakan diri dan wawasan sempit.
4. LDII sebagai pertubuhan tengah-tengah komuniti yang terus berubah menuju kemajuan dan peningkatan kualiti ilmu pengetahuan umum dan agama, perlu mempertingkatkan kualiti sumber tenaga manusia (STM) baik di dalam maupun di luar negara. Kerana dengan adanya peningkatan kualiti sumber tenaga manusia, akan membawa LDII sebagai organisasi dakwah yang tidak *jumud* terhadap perspektif kefahaman di tengah-tengah komuni ummat dan akhirnya boleh di terima masyarakat.

#### 5.2.2 Kepada Masyarakat

1. Bagi masyarakat am dan Provinsi Jambi khasnya, perbezaan dalam perspektif kefahaman agama perlu disikapi dengan wajar dan dewasa dalam berfikir. Ertinya dalam memahami perbezaan perlu didahuluikan kepentingan am daripada kepentingan individu dan kelompok sehingga tidak menyebabkan akibat buruk.

2. Perkembangan LDII yang telah mengubah paradigmnya perlu diterima sebahagian organisasi sosial kemasyarakatan dengan keterbukaan sehingga membolehkan melakukan diskusi terbuka terhadap kesangsian kefahaman dan ajaran yang dikembangkan oleh LDII